

# Rotan masih relevan

>>Oleh Yusri Abdul Malek  
yusrimalek@hmetro.com.my

**T**INDAKAN sekumpulan 15 pelajar membelasah seorang rakan seasrama di Melaka pertengahan bulan lalu sehingga menyebabkan pelajar itu kini terpaksa menjalani terapi akibat kecederaan pada pinggul dan tulang belakang menjelaskan betapa masalah disiplin atau salah laku pelajar tidak pernah kendur.

Puncanya, pelajar yang dibelasah itu tidak disukai kumpulan berkenaan.

Malah semakin banyak diperkatakan mengenai disiplin pelajar, semakin banyak kes baru membabitkan salah laku disiplin timbul. Ada yang bergaduh sesama sendiri, ponteng, mengugut guru, merokok dan pelbagai salah laku lain berlaku hampir setiap hari hingga memeningkan pelbagai pihak terutama pengetua, guru disiplin dan ibu bapa.

Tambahan pula dengan peraturan baru, bukan semua guru dibenarkan merotan pelajar. Hanya pengetua, penolong kanan dan guru disiplin dibenarkan merotan manakala guru lain tidak diberi kuasa itu.

Mungkin jika merotan tidak dibataskan, sebahagian



**AKTIF...menggalakkan pelajar menyertai kegiatan kokurikulum di sekolah antara pendekatan Kementerian mengatasi masalah disiplin.**

masalah hari ini dapat diselesaikan terutama membabitkan kesalahan menghisap rokok.

Walaupun kesan dirotan menyakitkan dan memalukan, ia lebih berkesan kerana kesakitan yang dirasakan akan tertanam dalam jiwa pelajar yang melakukan kesalahan untuk tidak mengulangi kesalahan sama pada masa depan. Ibarat pepatah Melayu 'melentur buluh biar daripada rebungunya'.

Pada masa sama, pelajar lain tentu tidak berani meniru atau melakukan kesalahan disiplin kerana mereka tahu hukuman yang dike-

nakan berat dan memalukan.

Tetapi, Kementerian Pelajaran melihat kaedah itu tidak lagi sesuai kerana ia akan menyebabkan pelajar yang dirotan berasa rendah diri, menyendiri atau bertindak lebih agresif.

Apa yang paling menakutkan ialah tindak balas ibu bapa yang menyaman guru dan sekolah jika mengangap tindakan merotan anak mereka didapati menyalahi peraturan sekolah.

Ini menyebabkan guru lebih banyak berdiam diri atau tidak mahu masuk campur jika ada kes pelanggaran di-



H.M 5/3/08 M/S 14

siplin di kalangan murid atau pelajar kerana ia akan menyusahkan diri sendiri.

Sepatutnya, Kementerian membuat kajian terperinci dan mendapatkan pandangan pelbagai pihak terutama pakar pendidikan remaja, psikologi, pengetua dan guru disiplin serta menemubual pelajar bermasalah bagi mencari jalan menangani masalah disiplin remaja.

Jika didapati kaedah kaunseling paling berkesan dan semua sekolah sudah mempunyai guru kaunseling, tetapi jika masalah disiplin pelajar masih di takuk lama, ini menunjukkan kaedah kaun-

seling juga sedikit sebanyak dianggap gagal. Mungkin ada yang berjaya tetapi kadar kejayaan tidak seimbang dengan yang gagal diberi kaunseling.

Biasanya apabila berbicara mengenai disiplin pelajar, kita akan membezakan pelajar pada era 1960-an, 1970-an dengan pelajar zaman sekarang.

Pada zaman itu, guru dihormati dan rotan senjata utama mendisiplinkan pelajar, tetapi kini semua itu dianggap tidak relevan lagi.

Kebanyakan ibu bapa berpangkat dan bergaji besar serta berasal dari kampung

lain, seorang bapa menampar guru disiplin di Kuala Lumpur baru-baru ini hanya kerana guru itu mempertahankan tindakan seorang guru wanita menghukum seorang murid kerana kesalahan disiplin.

Di mana letaknya kesabaran bapa berkenaan sehingga sanggup membalas budi guru yang hendak mendisiplinkan anaknya dengan penampar? Kejadian itu pasti akan menimbulkan kesan kepada kedua-dua pihak, sekalipun sudah bermaaf-maafan, kejadian itu pasti meninggalkan parut.

Sepatutnya, ibu bapa bertindak rasional apabila dipanggil ke sekolah berhubung tingkah laku anak mereka. Jangan cepat melatah jika dimaklumkan anak mereka melakukan kesalahan disiplin, sebaliknya berterima kasih kerana pihak sekolah mengambil berat perilaku kelakuan anak.

Kementerian sudah mewujudkan jawatankuasa disiplin pada peringkat induk bagi mengatasi masalah disiplin pelajar dengan mencadangkan pelajar bermasalah diberi lebih banyak pendidikan dalam kokurikulum di sekolah.

Dengan cara ini, mereka akan lebih 'sibuk' menyertai kegiatan, bukan beruni-

bagaikan sudah lupa peranan guru yang membantu kejayaan mereka hanya kerana anak mereka dirotan kerana kesalahan disiplin.

Sebaliknya, mereka datang ke sekolah dan menyalahkan guru yang merotan anaknya. Ini sedang berlaku dalam sistem pendidikan kita. Terlalu banyak campur tangan, akhirnya guru tiada kebebasan bertindak menyebabkan masalah disiplin bagaikan tiada noktah.

Lebih malang, dalam satu kes di Johor Bahru pada 18 Julai lalu, seorang pelajar tingkatan empat sanggup datang semula ke sekolah dengan membawa tukul besi bagi membalas dendam ke atas seorang pelajar lain yang dikatakan mengutuk rakan-nya.

Bagaimanapuan, kejadian itu sempat dihalang seorang guru wanita berusia 48 tahun tetapi malangnya guru itu cedera di kening. Nasib baik libasan pelajar itu mengenai kening guru itu, bayangkan jika terkena tepat di kepala, sudah pasti boleh menyebabkan kehilangan nyawa.

Begitu juga dengan satu kes

kegiatan pasukan beruniform atau bersukan.

Kita hanya perlu menunggu dan melihat hasilnya sama ada perlu diubah lagi pendekatan itu atau memperbaiki sistem sedia ada.

Pokoknya, masalah disiplin bermula dari rumah. Jika ibu bapa sentiasa bersikap mengambil berat, anak mereka akan menjadi orang yang boleh diharapkan pada masa depan.

Ibu bapa hendaklah menghentikan tuduhan, sebaliknya memastikan anak mereka tidak terbabit dalam salah laku disiplin.

Kita yakin, jika ibu bapa mampu mendisiplinkan anak di rumah, pasti mereka akan berdisiplin di sekolah atau di luar rumah. Jika anak tidak berdisiplin, jangan salahkan sesiapa tetapi salahkan diri sendiri kerana gagal mendidik mereka.

Bagi sekolah pula, hak merotan perlu diberikan kepada semua guru bagi memastikan disiplin sekolah kembali terpelihara. Kaedah merotan perlu dipatuhi guru bagi mengelak kecederaan murid atau pelajar.